

Tun Rahah selamat dikebumikan

UM - 20/12/2020 m/s: 4

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my


KUALA LUMPUR: Jenazah Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah, balu kepada Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein selamat dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara pukul 3.15 petang semalam.

Allahyarhamah yang meninggal dunia pada pukul 4.45 petang kelmarin dibawa ke Masjid Ar-Rahah pada sebelah pagi untuk dimandi dan dikafankan petugas Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sebelum dibawa ke Masjid Negara untuk Istiadat Pengebumian Negara.

Istiadat dimulakan dengan solat jenazah dipimpin Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd Husni pada pukul 2.30 petang sebelum dibawa ke Lingkar Makam Pahlawan untuk dikebumikan.

Selepas dikebumikan, Ehsan mengetuai bacaan talkin dan doa sebelum disusuli upacara siraman air mawar ke pusara yang dimulakan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah diikuti Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor.

Istiadat berakhir dengan penyerahan Jalur Gemilang dari-



SULTAN Sharafuddin Idris Shah dan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah diiringi Najib ketika memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah Tun Rahah di Kuala Lumpur. Semalam.

pada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sallehuddin Hassan kepada Najib pada pukul 3.45 petang.

Jenazah Allahyarhamah dikebumikan bersebelahan pusara kakaknya, Tun Suhailah yang juga ibu kepada Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Beberapa pemimpin negara dan tokoh kenamaan turut memberikan penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah antaranya Sultan Selangor, Sul-

tan Sharafuddin Idris Shah; Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong serta Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim.

Pemimpin-pemimpin UMNO seperti Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Ahmad Maslan, ahli politik pembangkang iaitu Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail,



TUN Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali ketika memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah Tun Rahah.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; ADUN Ketari, Young Syefura Othman; Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok dan Ahli Parlimen Bakri, Yeo Bee Yin.

Dalam pada itu, Najib berkata, ibunya adalah seorang yang penyayang dan telah mendidiknya dengan sempurna sehingga kelima-lima adik-beradiknya mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing.

“Bonda terus menjadi tonggak keluarga walaupun Tun Razak sudah tiada lagi, bonda menjadi tempat tumpuan kami.

“Banyak memori indah dan manis terutama sekali ketika saya mula menceburi politik pada umur 23 tahun tapi bonda saya beri sokongan dan apa juga keputusan, bonda akan menyokong untuk saya berjaya dalam bidang politik.

“Amat sukar kehilangan seorang ibu, sudah tentu merasa sedih tapi kami reda dengan ketentuan ilahi,” kata Najib kepada pemberita semalam.

Majlis tahlil akan diadakan seminggu bertempat di Masjid Ar-Rahah.